


# Bahan Buangan Sumber Pencarian Penduduk



**S**ECARA realitinya, kutipan dan pengumpulan sampah berupaya menyumbang kepada pembangunan ekonomi. Hak ini dikatakan demikian kerana kesan aktiviti tersebut memberikan pendapatan kepada pengutip dan pengumpul sampah yang rata-ratanya terdiri dalam kalangan masyarakat miskin. Selain itu, aktiviti

**Tapak pelupusan di Malaysia, terutamanya di Kelantan mempunyai banyak bahan buangan yang bernilai dan laku untuk dijual.**

tersebut dapat membekalkan bahan mentah yang lebih murah kepada industri, mengurangkan kekerapan pengutipan serta pelupusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta memanjangkan hayat tapak pelupusan.

Dalam kalangan negara membangun, Malaysia contohnya, bahan buangan yang dikutip ialah bahan buangan plastik, kaca, kertas, aluminium, besi, bahan buangan elektrik dan elektronik.

Kelangsungan daripada aktiviti kitar semula sisa pepejal di negara membangun

sangat bergantung kepada bilangan pemungut dan jumlah pungutan yang dihasilkan di tapak pelupusan sampah. Hal ini kerana dalam kalangan masyarakat, kesedaran terhadap aktiviti pengasingan sampah di rumah masih rendah. Pengutipan dan pengumpulan sampah di tapak pelupusan sampah merupakan pekerjaan yang memberikan kehidupan kepada golongan miskin dan juga sebagai strategi kelangsungan bagi menghadapi kesulitan hidup. Secara kebiasaannya, pengumpul sampah memilih sampah tertentu sahaja untuk dikutip. Ada dalam kalangan mereka yang hanya mengutip tin aluminium dan bahan logam, dan ada juga yang tertumpu kepada botol plastik dan bahan plastik.

Selalunya, segelintir penduduk mengutip dan mengumpul sampah disebabkan dua tujuan, iaitu untuk menggunakan semula sampah tersebut atau untuk dijual bagi menyara hidup mereka. Bahan yang sering digunakan semula ialah baldi, periuk belanga, botol kaca, botol plastik, balang kaca dan juga sisa elektrik dan elektronik. Manakala, bahan yang dijual ke pusat kitar semula terdiri daripada kertas surat khabar lama, sisa elektrik dan elektronik, tin aluminium,

botol kaca, sisa besi serta sisa-sisa lain yang boleh dikitar semula.

Kesempitan hidup menyebabkan penduduk miskin tersebut menjadi lebih kreatif dengan memperbaiki atau mengubah suai bahan buangan untuk digunakan semula di rumah mereka.

Makalah ini berdasarkan hasil kajian yang dilakukan di Kelantan. Walaupun bilangan penduduk yang melakukan aktiviti ini tidak banyak, namun majoriti pengutip sampah ialah rakyat tempatan memperoleh pendapatan isi rumah yang rendah. Kajian ini dilakukan bagi melihat impak ekonomi terhadap golongan yang bergantung hidup kepada aktiviti pengumpulan sampah. Tapak pelupusan sampah yang dipilih ialah di Tanah Merah, Machang, Bachok, Tumpat, Lubok Jong, Gua Musang, Kuala Krai dan Jeli.

Hasil kajian mendapati bahawa, bilangan orang yang melakukan aktiviti pengumpulan sampah di tapak pelupusan sampah seperti yang disebutkan di atas, ialah 47 rakyat tempatan, dua pendatang dari Burma dan seorang pendatang lari Indonesia.

Berdasarkan keputusan kajian menunjukkan bahawa bukan sahaja rakyat tempatan yang melihat potensi pengumpulan sampah di tapak pelupusan sebagai salah satu sumber pendapatan, tetapi pendatang asing dari Burma dan Indonesia juga. Hal ini menunjukkan bahawa, tapak pelupusan di Malaysia, terutamanya di Kelantan mempunyai banyak bahan buangan yang bernilai dan laku untuk dijual.

Daripada jumlah pengutip dan pengumpul sampah yang terlibat, seramai 33 ialah lelaki dan 17 wanita. Dari segi peratusan, pengutip dan pengumpul lelaki menyumbang 66 %, manakala wanita pula 34 %. Peratusan pengutip dan pengumpul lelaki lebih tinggi berbanding wanita. Hal ini disebabkan faktor kerja yang berbahaya, kotor dan mungkin gangguan semasa menjalankan aktiviti tersebut. Oleh itu, wanita kurang cenderung dalam kerja tersebut. Selain itu, batasan fizikal serta tidak dapat mengumpul dan mengendalikannya sisa berat juga merupakan penyebab kepada hal tersebut.

Dari segi julat dan kumpulan umur, terdapat dua pengumpul berada dalam kumpulan umur di bawah 20 tahun (empat peratus), 15 orang dalam kumpulan umur antara 20 tahun hingga 29 tahun (30 %), lapan orang dalam kumpulan umur antara 30 tahun hingga 39 tahun (16 %), 11 orang dalam kumpulan umur antara 40 tahun hingga 49 tahun (22 %), 10 orang berada dalam kumpulan umur antara 50 tahun hingga 59 tahun (20 %)

dan empat orang berada dalam kumpulan umur antara 60 tahun hingga 69 tahun (lapan peratus).


Majoriti umur pengutip dan pengumpul sampah di negeri Kelantan ialah dalam lingkungan 20 tahun hingga 29 tahun dan bilangan di bawah umur 20 tahun adalah sangat sedikit. Dapatan kajian ini disokong oleh beberapa faktor, antaranya ialah faktor pendapatan dan fleksibiliti kerja. Mereka yang berada dalam julat umur ini merupakan golongan yang senang tertarik dengan duit atau pendapatan serta mereka yang mencari peluang untuk pendapatan sendiri bagi mengurangkan kebergantungan terhadap ibu bapa dan juga bagi mendapatkan kuasa atau kebebasan berbelanja. Mereka yang terlibat dalam aktiviti ini juga tidak terikat dengan waktu kerja, boleh merancang kerja sendiri, tidak ada majikan yang mengawasi, serta mereka sendiri yang menentukan waktu bekerja.

Selain itu, rata-rata mereka yang terlibat ialah yang sudah berkahwin, iaitu seramai 42 orang dengan peratusan 84 % berbanding yang belum berkahwin, hanya 8 orang sahaja dengan peratusan 16 %. Julat umur bagi pengutip dan pengumpul yang berkahwin ialah antara 20 hingga 59 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti pengumpulan sampah merupakan salah satu sumber pendapatan bagi menyara keluarga.

Dari segi latar belakang pendidikan pula menunjukkan bahawa 11 orang (22 %) tidak mempunyai pendidikan formal, 17 orang mempunyai pendidikan pada peringkat rendah (34 %), 15 orang berkelulusan PMR (menengah rendah) atau bersamaan 30 % dan 7 orang berkelulusan SPM (menengah) atau bersamaan 14 %. Majoriti pemungut dan pengumpul sampah berpendidikan pada peringkat rendah (34 %).

Hal tersebut dipercayai menjadi punca mereka memilih untuk menjadi pemungut dan pengumpul sampah kerana tidak mempunyai kelayakan akademik yang mencukupi untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Bilangan pemungut semakin menurun dengan peningkatan kelulusan akademik kerana semakin tinggi kelayakan akademik semakin banyak peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Kenyataan tersebut disokong oleh dapatan kajian yang menunjukkan bahawa mereka yang

**Selain itu, batasan fizikal serta tidak dapat mengumpul dan mengendalikannya sisa berat juga merupakan penyebab kepada hal tersebut.**



Rajah 1 Menunjukkan peratusan pendapatan pengutip dan pemungut sampah.

mempunyai kelulusan SPM hanya 14 % sahaja yang terlibat dengan aktiviti pengumpulan sampah.

Seramai 38 orang (76 %) yang melakukan aktiviti tersebut untuk mendapatkan pendapatan tambahan, sembilan orang (18 %) sebagai pekerjaan tetap dan tiga orang (enam peratus) mewarisinya daripada ibu bapa mereka. Walau bagaimanapun, majoriti daripadanya menyatakan bahawa mereka melakukannya untuk pendapatan tambahan. Hal ini bermaksud mereka ada kerja tetap yang lain, seperti menoreh getah atau bekerja di stesen minyak.

Seramai 29 orang (58 %) bekerja sekurang-kurangnya tiga hingga empat jam sehari, 17 orang (34 %) sekitar lima hingga enam jam sehari dan empat orang (lapan peratus) bekerja lebih daripada enam jam sehari. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, disimpulkan bahawa mereka yang bekerja tiga hingga empat jam sehari pada dasarnya ialah pemungut sambil. Sebaliknya, mereka yang bekerja lima jam atau lebih dalam sehari pula melakukannya secara sepenuh masa.

Rajah 1 menunjukkan terdapat 10 orang (20 %) pengutip dan pemungut memperoleh pendapatan kurang daripada RM250 23 orang (46 %) berpendapatan antara RM 251 hingga RM500,

10 orang (20 %) berpendapatan antara RM501 hingga RM750, empat orang (lapan peratus) berpendapatan di antara RM751 hingga RM1000, dua orang (empat peratus) berpendapatan di antara RM1001 ke RM1250 dan seorang (dua peratus) berpendapatan di antara RM1251 hingga RM1500 sebulan.

Majoriti pengutip dan pengumpul mempunyai pendapatan bulanan antara RM251 hingga RM500, iaitu seramai 46 %, manakala bilangan paling sedikit ialah mereka yang mempunyai pendapatan bulanan di antara RM1251 ke RM1500, iaitu seramai dua peratus. Purata bulanan pendapatan pemungut ialah kira-kira RM465.50. Terdapat pemungut yang mendapat pendapatan di antara RM1251 hingga RM1500, iaitu pengumpul yang menjalankan kutipan dan pengumpulan di tapak pelupusan sampah di Machang, Kelantan.

Hal ini kerana bilangan mereka yang menjalankan kutipan dan pemungutan di tapak pelupusan di Machang tidak banyak, oleh itu tidak banyak persaingan yang timbul. Pada dasarnya, pemungut di tapak pelupusan Machang dan Jeli mendapat pendapatan yang agak tinggi berbanding pengutip di tapak pelupusan lain kerana jumlah sampah yang tinggi berbanding pengutip yang sedikit.

Jenis sampah yang dikutip di tapak pelupusan sampah di seluruh negeri Kelantan ialah plastik, tin aluminium, logam, sisa elektrik dan elektronik, botol kaca dan kertas. Daripada semua jenis sampah yang dikutip, tin aluminium dan plastik merupakan sampah yang terbanyak

dan diikuti dengan bahan logam, sisa elektronik dan botol kaca.

Sementara itu, kertas merupakan sisa yang paling sedikit dikutip. Maklumat tersebut menggambarkan bahawa sisa plastik dan tin aluminium merupakan jenis sampah yang paling banyak dibuang oleh masyarakat di negeri Kelantan yang akhirnya sampai ke tapak pelupusan sampah. Sisa logam dan sisa elektronik merupakan jenis sampah kedua terbanyak dibuang dan seterusnya ialah botol kaca dan kertas.

Komposisi botol plastik dan tin aluminium yang banyak terdapat di tapak pelupusan sampah di seluruh negeri Kelantan kerana masyarakat Malaysia umumnya dan Kelantan khususnya suka minum air berkarbonat dan minuman botol. Selain itu, harga sisa ini juga berpatutan, menarik dan menguntungkan. Menurut salah seorang pengumpul sampah tersebut, harga yang ditawarkan oleh pembeli untuk botol plastik ialah RM0.60 sekilogram, manakala harga untuk tin aluminium ialah RM3.20 sekilogram.

Bahan buangan lain yang dikumpul oleh majoriti pemungut ialah logam dan sisa elektrik dan elektronik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, harga untuk logam ialah RM0.60 sekilogram, manakala harga bagi sisa elektrik dan elektronik ialah RM1.60 sekilogram. Kedua-dua bahan-bahan buangan tersebut sangat popular dalam kalangan pemungut sampah kerana harganya menarik. Walau bagaimanapun, jumlah bahan buangan tersebut yang sampai ke tapak pelupusan sampah ialah sangat sedikit dan sukar diperolehi.

Kaca dan kertas merupakan bahan yang paling sedikit dikutip oleh pengutip dan pemungut di tapak pelupusan sampah. Hal ini dipercayai kerana kedua-dua bahan ini agak sukar dikutip apabila telah bercampur dengan sisa lain di tapak pelupusan. Selain itu, faktor pengasingan kedua-dua bahan ini dari rumah juga merupakan punca kedua-dua bahan ini sangat sedikit dikutip dari tapak pelupusan sampah. Kertas akan rosak apabila terkena air sisa sampah semasa sampah diangkat ke tapak pelupusan dan juga semasa sampah dilupuskan di tapak.

Selain itu, kedua-dua bahan ini tidak popular dalam kalangan pengutip sampah kerana harganya rendah. Berdasarkan kajian ini, harga bagi sekilogram sisa kertas ialah RM0.20. Menurut pengutip dan pengumpul sampah yang ditemui, mereka menyatakan bahawa harga bagi 100 botol kaca bersaiz kecil ialah RM2.50

dan harga bagi 100 botol kaca bersaiz besar pula dijual dengan harga RM 5. Separuh (50 %) daripada pengutip dan pengumpul mengumpul lebih daripada 50 kg plastik, sementara 34 % daripada mereka mengumpul antara 31 hingga 40 kg dan 10 % daripada mereka mengumpul antara 21 hingga 30 kg sebulan. Sebaliknya, 38 % daripada mereka mengumpul lebih daripada 50 kg kaca dan 32 % mengumpul antara 31 hingga 40 kg sebulan.

Manakala bagi sisa elektrik dan elektronik pula, 92 % daripada mereka mengumpul kurang daripada 10 kg sisa sebulan. Hal ini disebabkan oleh sisa elektrik dan elektronik yang kebanyakannya diasingkan dirumah dan dijual kepada peniaga bahan lusuh di seluruh negeri dan tidak sampai ke tapak pelupusan. Oleh itu, sisa elektrik dan elektronik merupakan sisa yang paling sedikit dijumpai di tapak-tapak pelupusan seluruh negeri Kelantan. Kebanyakan daripada mereka mengumpul lebih daripada 10 kg logam sebulan, manakala 90 % daripadanya mengumpul tin aluminium lebih daripada 21 kg sebulan.

60 % daripada mereka mengumpul lebih daripada 50 kg sisa kertas. Data tersebut menunjukkan bahawa kertas merupakan sisa yang paling banyak sampai ke tapak pelupusan di seluruh negeri Kelantan, diikuti dengan plastik, botol kaca, aluminium, logam dan sisa elektrik dan elektronik. •

**Kaca dan kertas merupakan bahan yang paling sedikit dikutip oleh pengutip dan pemungut di tapak pelupusan sampah.**



Foto: taipingmail.blogspot.my